

Artikel

## **Hubungan Identiti Moral dan Emosi Moral terhadap Pelepasan Moral mengenai Tindakan Salah laku Moral Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi**

*(The Relationship Between Moral Identity and Moral Emotions on Moral Disengagement Regarding Moral Misconduct Among Students at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi)*

Adib Syazwan Khalili<sup>1</sup>, Muhammad Ajib Abd Razak\*, Nasrudin Subhi, Chong Sheau Tsuey,  
& Salina Nen

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Pengarang Koresponden: [muhdajib@ukm.edu.my](mailto:muhdajib@ukm.edu.my)

Diserah: 01 Jun 2024

Diterima: 01 Ogos 2024

**Abstrak:** Proses pelepasan moral membantu individu mengurangkan rasa bersalah atau rasa malu akibat tindakan tidak bermoral yang dilakukan. Namun, terdapat kekurangan dalam penyelidikan tempatan mengenai bagaimana mekanisme pelepasan moral berfungsi dalam konteks psikologi sosial dan moraliti di Malaysia. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji hubungan identiti moral dan emosi moral adakah berkait terhadap pelepasan moral untuk tingkah laku pelanggaran moral. Kajian ini berfokuskan kepada mahasiswa UKM yang melanjutkan pelajaran dan menginap di kolej penginapan di UKM, Bangi. Kajian ini dijalankan menggunakan kajian kuantitatif. data kajian dikumpulkan melalui borang soal selidik Seramai 200 mahasiswa UKM dari pelbagai latar belakang telah terlibat untuk menjawab soal selidik yang diberikan. Majoriti responden merupakan lepasan Sarjana Muda dan berumur dalam lingkungan 22 tahun. Hasil data soal selidik dianalisis secara empirikal melalui aplikasi SPSS dan hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan positif antara tahap identiti moral dan pelepasan moral, manakala terdapat juga hubungan positif antara emosi moral dan pelepasan moral dalam kalangan mahasiswa UKM. Dapatan kajian ini boleh menjadi panduan dalam melihat hubungan perkaitan identiti moral dan emosi moral terhadap pelepasan moral seseorang memandangkan kurangnya kajian berkaitan moraliti seperti pelepasan moral yang dikaji. Kesimpulan kajian ini membincangkan dan mencadangkan beberapa langkah intervensi yang boleh dilakukan dalam memberi kesedaran mengenai implikasi pelepasan moral seterusnya mengelakkan tingkah laku pelanggaran moral dalam kalangan mahasiswa dan masyarakat. Di samping menggalakkan banyak lagi pengkaji psikologi dan kaunseling untuk melakukan penyelidikan mengenai aspek moraliti.

**Kata kunci:** Identiti moral; emosi; moral; tindakan salah laku; mahasiswa

**Abstract:** The mechanism of moral disengagement allows individuals to lessen feelings of guilt or shame stemming from immoral actions. Nevertheless, there is a paucity of local research on the functioning of moral disengagement mechanisms within the framework of social psychology and morality in Malaysia. The purpose of this study is to examine the relationship between moral identity and moral emotions, and whether they are associated with moral disengagement in the context of moral misconduct. The study targets UKM students who are pursuing their studies and residing in the residential colleges at UKM, Bangi. The research was conducted using a quantitative approach, with data collected through a questionnaire that included one demographic section and three sections examining different variables. A total of 200 UKM students from

various backgrounds participated in the study and responded to the questionnaire. Most respondents were undergraduate students, with the majority being around 22 years old. The survey data were analyzed empirically using SPSS software. The findings revealed a positive relationship between the level of moral identity and moral disengagement. Additionally, there was a positive relationship between moral emotions and moral disengagement among UKM students. The results of this study can serve as a guide to understanding the relationship between moral identity, moral emotions, and moral disengagement. Given the lack of research on aspects of morality such as moral disengagement, these findings are particularly valuable. The conclusion of the study discusses and suggests several intervention steps that can be taken to raise awareness about the implications of moral disengagement, thereby preventing moral misconduct among students and the broader community. It also encourages more psychological and counseling researchers to explore various aspects of morality in their future research.

**Keywords:** Moral Identity; emotions; morality; misconduct; university students

---

## Pengenalan

Pengajian moraliti manusia merupakan satu bidang yang luas. Melibatkan pelbagai disiplin ilmu termasuklah falsafah, psikologi, sosiologi dan undang-undang. Menurut Turiel (2006) dan Haidt (2001), kajian psikologi tentang moral telah dikembangkan melalui proses kognitif dan emosi yang mendasari penilaian dan tingkah laku moraliti. Model institusi sosial merupakan sumbangan yang utama dan unik untuk memahami lebih mendalam mengenai tingkah laku moral manusia dari perspektif psikologi perkembangan (Haidt, 2001). Psikologi sebagai bidang yang mengkaji tingkah laku manusia memberikan sudut pandang pemahaman yang unik dan tersendiri mengenai aspek moraliti ini. Walau bagaimanapun tidak banyak kajian yang berfokus mengkaji isu moraliti seperti pelepasan moral dari luar dan dalam negara walaupun isu moraliti ini sangat penting dalam meneroka aspek tingkah laku manusia.

Kajian daripada Bandura (1996) mula memberikan sudut pandang berbeza, unik dan fleksibel terhadap moraliti manusia apabila mengemukakan lapan mekanisme pelepasan moral (*moral disengagement*). Menurut Bandura (1996), manusia sebagai agen memilih untuk melepaskan nilai moral dalam situasi tertentu di mana tingkah laku melanggar standard moral yang tidak boleh diterima dirasionalkan kembali bagi mengelakkan kritikan negatif terhadap diri sendiri. Pelepasan moral adalah satu mekanisme psikologi di mana individu melepaskan diri mereka dari prinsip moral mereka untuk membenarkan tingkah laku yang tidak beretika atau tidak bermoral (Bandura, 2002). Proses ini membolehkan individu untuk bertindak dengan cara yang mereka biasanya anggap salah, tanpa merasa bersalah atau malu. Manakala, mekanisme pelepasan moral adalah proses individu membenarkan diri mereka untuk bertingkah laku tidak bermoral tanpa rasa bersalah melalui pelbagai cara seperti justifikasi moral dan penyebaran tanggungjawab (Newman & Bakina, 2009).

Mekanisme ini memberi banyak bahan dan perspektif baru untuk penyelidikan dalam bidang moraliti untuk mengkaji bagaimana dan mengapa orang dapat bertindak secara tidak bermoral. Hal ini dapat membantu dalam memahami lebih mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku manusia yang diaplikasikan dalam pelbagai situasi kehidupan sebenar seperti kajian kes melibatkan buli sehinggalah ke isu yang lebih besar seperti keganasan terorisme. Pelajar kolej dan asrama mula berisiko dengan pelbagai kes salah laku dan aktiviti tidak bermoral apabila mereka tinggal di kolej atau asrama. Pelajar sudah mula hidup berdikari serta bebas daripada pemerhatian ibubapa, keluarga dan penjaga. Kebebasan ini seringkali memberikan mereka dorongan untuk melakukan sebarang tindakan melibatkan pelanggaran moral. Kajian lepas yang mengkaji identiti moral dan emosi terhadap pelepasan moral banyak dijalankan di barat berbanding kajian tempatan dan dalam negara. Prospek kajian di Malaysia mengenai pelepasan moral tidak begitu popular, bahkan, banyak kajian sedia ada lebih melihat kepada identiti moral atau emosi moral. Pelepasan moral tidak begitu difokuskan dalam kebanyakan kajian tempatan.

## Kajian Literatur

Terdapat beberapa kajian lepas dari negara Asia yang lain seperti negara Indonesia mengenai pelepasan moral, contohnya kajian daripada Limbu dan Prasetya (2020) mengenai pelepasan moral terhadap tingkah laku pelanggaran moral tetapi tidak melihat perkaitan antara pelepasan moral dengan identiti dan emosi moral. Manakala, menurut Newman dan Bakina (2009), mekanisme pelepasan moral dapat digunakan dalam konteks keganasan dan terorisme. Mereka mendapati bahawa individu yang terlibat dalam aktiviti teroris sering kali menggunakan justifikasi moral dan dehumanisasi untuk membenarkan tindakan mereka yang melanggar norma moral dan undang-undang. Pelepasan moral juga sangat berkait rapat dengan perilaku keganasan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Kajian menunjukkan bahawa apabila individu mengalami pelepasan moral, mereka cenderung untuk menggunakan keganasan sebagai cara untuk menyelesaikan konflik atau mencapai matlamat mereka (Caprara dan Peltonen (2003). Bukan itu sahaja, mekanisme pelepasan moral secara signifikan berkait dengan amalan buli dalam kalangan pelajar. Pengakaji lepas menemukan hawa penggunaan justifikasi moral dan pengurangan tanggungjawab dapat membantu dalam memahami bagaimana individu dapat bertindak dengan tidak bermoral terhadap rakan sebaya mereka (Hymel & Bonanno, 2014).

Dapatan kajian lepas memberi penekanan kepada kepentingan memahami mekanisme pelepasan moral dalam usaha untuk menangani masalah buli siber dan tingkah laku antisosial dalam talian. Intervensi yang mempunyai elemen empati dan pengurusan sendiri dilihat berkesan dalam mengurangkan kejadian buli siber dan tingkah laku negatif yang lain (Gini, Pozzoli & Hymel, 2023). Dalam pada itu juga, pelepasan moral berfungsi dalam tingkah laku *bystander* (pemerhati) semasa kejadian buli siber. Dapatan juga menunjukkan bahawa individu yang kurang berasa empati cenderung terlibat dalam tingkah laku yang menyokong pembuli dengan pelepasan moral memediasi hubungan antara empati dan peranan bystander (DeSmet et., al 2016). Dalam pada itu juga, kajian Othman dan Ariffin (2022) mendapati bahawa pembelajaran sosial memainkan peranan penting dalam pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar. Pendekatan pembelajaran yang menggabungkan nilai-nilai moral dan sosial dapat membantu membentuk tingkah laku positif dalam kalangan pelajar.

Pelepasan moral membolehkan individu untuk membenarkan dan melaksanakan tindakan-tindakan yang melanggar prinsip moral mereka dengan cara mengubah persepsi mereka terhadap tingkah laku tersebut. Ini termasuk justifikasi moral, dehumanisasi mangsa, dan mekanisme lain yang memudahkan penyalahgunaan kuasa dan keganasan. Implikasinya, individu tersebut tidak akan rasa bersalah, mahupun untuk meninggalkan perbuatan tersebut walaupun pertama kali melakukannya. Pelepasan moral menyebabkan individu mewujudkan tingkah laku tidak beretika yang baru dan konsisten untuk melakukannya dalam kehidupan seharian. Selain itu, penggunaan sosial media juga memberi pengaruh signifikan terhadap moraliti pelajar sekolah menengah. Pelajar yang terdedah kepada kandungan negatif di media sosial cenderung menunjukkan penurunan dalam nilai-nilai moral mereka (Bolu-Steve, Awopetu, & Okoro, 2022). Dapatan kajian lain juga menunjukkan individu yang mempunyai pengalaman buli siber mempunyai hubungan positif antara pengalaman buli siber dan masalah kesihatan mental dalam kalangan pelajar universiti. Pelajar yang mengalami buli siber menunjukkan tahap tekanan, kebimbangan, dan kemurungan yang lebih tinggi (Hassan & Ahmad, 2022).

Berdasarkan permasalahan yang telah dibincangkan, kajian ini menggunakan tiga pemboleh ubah bagi mengkaji hubungan pelepasan moral terhadap identiti moral dan emosi moral mengenai tindakan pelanggaran moral dalam kalangan mahasiswa yang menginap di kolej dalam UKM. Sekiranya isu pelepasan moral ini tidak dikaji dengan ilmiah dan pelepasan moral tidak popular digunakan di Malaysia, dikhuatiri bahawa rakyat Malaysia tidak tahu dan mengabaikan implikasi pelepasan moral dan menganggap tindakan pelepasan moral ke atas kes kesalahan moral yang dilakukan adalah sebagai perkara norma. Sebagai contoh, ibubapa mendera anak-anak secara fizikal seperti memukul atau kes buli senior.

## Metodologi

### 1. Reka bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan reka bentuk tinjauan (survey) dengan cara mengedar borang soal selidik. Reka bentuk kajian ini dipilih kerana ianya mampu menerangkan satu fenomena yang sedang berlaku atau meneroka sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji (Konting, 2005). Menurut Snyders (2019), kajian tinjauan adalah proses meneliti dan menganalisis maklumat yang telah diterbitkan mengenai topik tertentu. Ia bertujuan untuk memberikan gambaran keseluruhan tentang pengetahuan yang sedia ada, mengenal pasti jurang dalam pengetahuan, dan membantu dalam merumuskan hipotesis atau persoalan kajian yang dibina. Penyelidik memilih untuk menggunakan reka bentuk kajian tinjauan disebabkan ciri-ciri berikut. Pertama ialah kerana reka bentuk tinjauan ini membolehkan proses pengumpulan data yang cepat di mana jawapan subjek dapat dikumpulkan secara terus dalam masa yang singkat dan keputusan analisis dapat diperolehi dalam masa yang singkat.

### 2. Kaedah Persampelan

Penyelidik menggunakan kaedah persampelan bertujuan atau dikenali juga persampelan bukan kebarangkalian. Menurut Etikan, Musa dan Alkassim (2016) persampelan bertujuan adalah teknik persampelan di mana penyelidik memilih sampel berdasarkan kriteria tertentu yang relevan dengan tujuan kajian. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa sampel yang dipilih adalah representatif dan relevan kepada soalan penyelidikan atau objektif kajian tertentu. Kaedah ini diaplikasikan bagi memilih responden kajian di mana persampelan merupakan proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan responden kajian. Selain daripada faktor-faktor reka bentuk kajian dan pengukuran, kualiti hasil penyelidikan juga bergantung kepada persampelan kajian (Chua, 2006). Sampel merupakan subjek dari suatu populasi.

Sampel kajian ini adalah responden yang terdiri daripada remaja yang melanjutkan pelajaran dan menginap di UKM. Antara kriteria pemilihan responden untuk menjawab kajian kuantitatif ini adalah mereka mestilah masih melanjutkan pelajaran sama ada di peringkat Asasi, Sarjana Muda, Sarjana atau PhD di Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi sahaja. Selain itu, responden juga perlulah mengakui bahawa mereka pernah melakukan sebarang tingkah laku pelanggaran moral sepanjang kehidupan mereka. Sampel kajian ini melibatkan seramai 200 mahasiswa yang menginap di kolej di UKM, Bangi. Antara kolej yang terlibat seperti Kolej Keris Mas (KKM) (37%), Kolej Dato' Onn (KDO) (20.8%), Kolej Pendeta Za'ba (KPZ) (21.5%), Kolej Burhanuddin Helmi (KBH) (1.5%), terakhir sekali diikuti dengan mahasiswa dari kolej seperti Kolej Ungku Omar (KUO), Kolej Ibrahim Yaakub (KIY) dan Kolej Ibu Zain (KIZ) (0.5%) di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Sampel bagi kajian ini terdiri daripada pelbagai latar belakang demografik dan latar pendidikan. Majoriti responden yang menjawab soal selidik ini adalah sama ada sedang melanjutkan pengajian sarjana muda (90%) atau peringkat ijazah sarjana (10%). Julat umur pelajar yang terlibat adalah antara sekitar 20 tahun sehingga 25 tahun. Responden terdiri daripada pelbagai bangsa iaitu Melayu (87%), Cina (7%) dan India (6%). Penggunaan soal selidik secara atas talian iaitu *google docs* telah digunakan untuk mengumpul data kajian memandangkan kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik.

### 3. Instrument Kajian

Kajian ini menggunakan inventori pengukuran Identiti Moral oleh Aquino dan Reed (2002). Inventori ini digunakan untuk mengukur tahap identiti moral dalam kalangan responden. Soal selidik ini mempunyai 10 soalan serta dibahagikan kepada dua dimensi. Untuk kajian ini, soalan 1, 2, 4, 7, dan 10 berada dalam dimensi internalisasi, manakala soalan 3, 5, 6, 8, dan 9 tergolong dalam dimensi simbolisasi seperti yang ditetapkan oleh Aquino dan Reed (2002). Soalan ini mengandungi item negatif iaitu soalan 4 dan 7. Kesemua 10 soalan yang diambil ini menggunakan soalan Skala Likert lima mata daripada sangat tidak setuju (1) sehingga sangat setuju (5). Kesemua 10 soalan dalam soal selidik ini memerlukan responden membaca pernyataan dalam arahan yang diberikan disamping membayangkan diri responden mempunyai nilai-nilai moral yang telah

disenaraikan sebelum menjawab item-item soal selidik Pengukuran Identiti Moral. Ujian kebolehppercayaan Cronbach's Alpha untuk inventori ini adalah 0.901 menunjukkan skor kebolehppercayaan yang sangat baik. Inventori kedua adalah Inventori Pengalaman Rasa Bersalah dan Malu (GSES) oleh Malinakove dan rakan-rakan (2019). Soal selidik ini melibatkan pemarkatan skala likert empat mata daripada tiada langsung (1) sehingga selalu (4) dan mengandungi 8 item. Inventori ini terbahagi kepada dua dimensi merangkumi emosi moral bersalah dan malu. Soalan 1, 3, 5 dan 7 merupakan item untuk dimensi malu, manakala soalan 2, 4, 6, dan 8 merupakan item untuk dimensi melibatkan rasa bersalah.

Kemudian, Instrumen Inventori Penghargaan Kendiri Rosenberg ditadbir dengan cepat dan mudah. Responden hanya mengambil masa lebih kurang 5 minit untuk melengkapkan intrumen ini. Julat jumlah skor antara 8 hingga 32 di mana responden yang memperoleh skor yang tinggi memberi maksud seseorang mempunyai emosi moral seperti rasa bersalah dan malu yang tinggi. Berdasarkan skor daripada Cronbach's Alpha mendapati bahawa skor adalah 0.882 menunjukkan tahap yang baik. Akhir sekali, Inventori Pelepasan Moral oleh Thornberg et. al., (2020) untuk mengukur tahap pelepasan moral dalam kalangan mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. Responden diminta mengisi 16-item skala pelepasan moral selepas membaca arahan yang diberi yang meminta responden membayangkan mereka berada dalam situasi yang disenaraikan. Skala telah dibangunkan untuk kajian ini dan terdiri daripada dua item untuk setiap dimensi di mana rekabentuk item untuk dimensi adalah dalam bentuk, 1-2-3-4-5-6-7- 8-8-7-6-5-4-3-2-1. (1 = pelabelan eufemisme (euphemistic labeling), 2 = penyebaran tanggungjawab (diffusion of responsibility), 3 = menyalahkan mangsa (victim blaming), 4 = pengherotan akibat (distorting the consequences), 5 = penyahmanusiaan (dehumanization), 6 = perbandingan yang menguntungkan (advantageous comparison), 7 = pengalihan tanggungjawab (displacement of responsibility) dan 8 = justifikasi moral (moral justification).). Peserta menilai setiap item pada skala tujuh mata (1 = sangat tidak setuju hingga 7 = sangat setuju). Ujian kebolehppercayaan daripada Cronbach's Alpha menunjukkan skor yang sangat baik iaitu 0.909.

#### 4. Dapatan Kajian

Jadual 1 menunjukkan maklumat demografi responden kajian yang terdiri daripada jantina, bangsa, umur dan tahap pendidikan. Majoriti responden adalah perempuan seramai 108 orang, manakala lelaki seramai 92 orang. Mereka yang berbangsa Melayu seramai 174 orang, 14 orang bangsa Cina dan 12 orang berbangsa India. Majoriti responden seramai 180 orang mempunyai tahap pendidikan Ijazah Sarjana Muda manakala seramai 20 orang mahasiswa Sarjana menjawab soal selidik ini.

Jadual 1: Demografi responden

Demografi	Kategori	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	92	46.0
	Perempuan	108	54.0
Bangsa	Melayu	174	87.0
	Cina	14	7.0
	India	12	6.0
Umur	20 – 22 tahun	177	88.5
	23 – 25 tahun	19	9.5
	26 – 28 tahun	4	2
Tahap Pendidikan	Sarjana Muda	180	90.0
	Sarjana	20	10.0
	Jumlah	200	100

Bagi menguji normaliti data setiap pembolehubah, Shapiro-Wilk telah digunakan. Pemboleh ubah bagi identiti moral, emosi moral dan pelepasan moral untuk kajian ini masing-masing mempunyai nilai signifikan

$p=0$ . Hal ini bermaksud kesemua nilai untuk pemboleh ubah ini adalah tidak signifikan berdasarkan Shapiro-Wilk di mana nilai signifikan bagi kesemua pemboleh ubah perlulah mempunyai nilai  $p > 0.05$ . Melihat kepada Kolmogorov-Smirnov, nilai-nilai signifikan bagi kesemua pemboleh ubah identiti moral, emosi moral dan pelepasan moral masing-masing mempunyai nilai  $p < 0.05$ . Pemboleh ubah bagi identiti moral, emosi moral dan pelepasan moral kesemuanya mempunyai nilai yang rendah iaitu  $p = 0$ . Nilai bagi ketiga-tiga pemboleh ubah adalah tidak signifikan. Data sampel dan data populasi adalah sama-sama iaitu telah tertabur secara tidak normal. Kesemua pemboleh ubah adalah tidak signifikan nilainya iaitu pemboleh ubah identiti moral, emosi moral dan pelepasan moral. Disebabkan oleh taburan data yang tidak normal, maka ujian skewness dan kurtosis bagi setiap instrument perlu dijalankan. Selain itu juga, untuk melihat hubungan pemboleh ubah, disebabkan hasil taburan tidak normal, Spearman Rho perlu digunakan untuk menguji korelasi antara pemboleh-pemboleh ubah.

Secara keseluruhannya, responden UKM yang menjawab soal selidik ini mempunyai tahap identiti moral, emosi moral dan pelepasan moral yang tinggi sebagaimana yang terdapat dalam jadual 3. Seramai 183 orang responden menunjukkan tahap identiti moral yang tinggi, manakala 5 orang menunjukkan tahap yang sederhana dan selebihnya 12 orang menunjukkan tahap identiti moral yang rendah. Hal ini menunjukkan responden kajian ini cenderung untuk miliki pegangan identiti diri yang tinggi. Bagi faktor emosi moral pula, seramai 119 orang responden memiliki tahap emosi moral yang tinggi, manakala 57 orang pada tahap sederhana dan selebihnya 24 orang menunjukkan tahap emosi moral yang rendah. Hal ini menunjukkan responden kajian mempunyai emosi moral seperti bersalah dan malu yang tinggi. Selain itu, seramai 110 orang responden memiliki tahap pelepasan moral yang tinggi, manakala 71 orang menunjukkan pada tahap pelepasan moral yang sederhana manakala selebihnya iaitu seramai 19 orang menunjukkan pelepasan moral pada tahap yang rendah. Hal ini menunjukkan bahawa responden kajian ini majoriti mempunyai tahap yang tinggi untuk melakukan pelepasan moral sekiranya mereka melakukan tindakan salah laku moral.

Jadual 2. Hubungan korelasi antara pemboleh ubah menggunakan Spearman Rho

Pemboleh ubah	Identiti Moral	Emosi Moral	Pelepasan Moral
Identiti Moral	-	0.223 (.01*)	0.266 (.0*)
Emosi Moral		-	0.312 (.0*)
Pelepasan Moral			-

\*Korelasi adalah signifikan pada tahap  $p < 0.05$

Jadual 2 menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah identiti moral dan pelepasan moral, emosi moral dan pelepasan moral serta identiti moral dan emosi moral. Jadual menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara identiti moral dan pelepasan moral ( $r = .266, p < 0.05$ ) dan terdapat hubungan positif yang signifikan antara emosi moral dan pelepasan moral ( $r = .312, p < 0.05$ ) di samping itu, terdapat juga hubungan positif yang signifikan antara identiti dan emosi moral ( $r = .223, p < 0.05$ ). Emosi moral menunjukkan korelasi yang tinggi dengan pelepasan moral. Hal ini menunjukkan bahawa mahasiswa UKM yang mempunyai emosi moral yang tinggi seperti rasa bersalah dan malu akan cenderung melakukan pelepasan moral.

## Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi dapat diterangkan disini bahawa seramai 200 mahasiswa UKM daripada pelbagai latar belakang umur, bangsa, agama, taraf pendidikan dan kolej UKM cawangan Bangi telah terlibat untuk menjawab soal selidik yang telah dijalankan. Majoriti yang menjawab soal selidik ini adalah merupakan bangsa Melayu beragama Islam yang mengambil Ijazah Sarjana Muda di Kolej Keris Mas (KKM) di UKM. Disebabkan taburan data responden untuk kajian ini adalah taburan data yang tidak normal, korelasi spearman rho telah digunakan dan mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara ketiga-tiga pemboleh ubah yang digunakan. Daripada hasil dapatan kajian untuk hipotesis pertama, didapati bahawa terdapat hubungan yang positif antara tahap identiti moral dan pelepasan moral. Dapatan kajian mendapati bahawa hipotesis yang dibuat adalah signifikan. Hal ini dapat dilihat kerana berdasarkan kajian lepas, memang

terdapat kajian yang melihat hubungan antara tahap identiti moral dan pelepasan moral seterusnya mendapati bahawa semakin tinggi tahap identiti moral seseorang, semakin tinggi juga pelepasan moral apabila seseorang melakukan tindakan pelanggaran moral. Hal ini dapat dilihat melalui dapatan kajian 200 mahasiswa UKM yang melakukan pelanggaran moral dan mendapati bahawa majoriti mahasiswa mempunyai tahap identiti moral yang tinggi.

Hal ini dapat dijelaskan kerana berdasarkan kajian lepas yang dijalankan oleh Reed (2002), mereka yang mempunyai identiti moral yang banyak kebiasannya akan cenderung melakukan pelepasan moral sekiranya mereka perlu melakukan tindakan pelanggaran moral untuk mempertahankan identiti moral yang dipegang. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi daripada sampel mahasiswa UKM, dapat dilihat bahawa terdapat hubungan positif antara identiti moral dan pelepasan moral. Maka kesimpulan dapat dibuat disini bahawa seseorang yang mempunyai identiti moral akan cuba melakukan pelepasan moral seperti pelabelan eufemisme dan justifikasi moral untuk mempertahankan tindakan pelanggaran moral yang pernah dilakukan mereka. Dapatan kajian ini juga menyokong lagi dapatan DeSmet dan rakan-rakan (2016) yang melihat kekurangan nilai empati dalam diri boleh menyumbang kepada tingkah laku pelepasan moral dan terlibat dengan gejala negatif. Seterusnya, untuk hipotesis yang kedua, didapati bahawa terdapat hubungan signifikan yang positif antara tahap identiti moral dengan tahap pelepasan moral. Hal ini dapat dilihat kerana berdasarkan kajian-kajian lepas, memang terdapat banyak kajian setakat ini yang melihat hubungan antara identiti moral dan pelepasan moral. Hal ini menunjukkan bahawa mahasiswa UKM kebanyakan akan berasa malu dan bersalah (emosi moral) apabila melakukan tindakan pelanggaran moral. Seterusnya, mereka akan melakukan pelanggaran moral disebabkan emosi moral yang dihadapi mereka.

Kajian ini juga memberikan manfaat apabila digunakan dalam berhadapan dengan penjenayah dan remaja-remaja bermasalah di pusat pemulihan. Tidak dinafikan, apabila melakukan sesi kaunseling atau rehabilitasi terhadap penjenayah dan remaja bermasalah sebahagian daripada mereka akan menggunakan pelepasan moral untuk menjustifikasi pelanggaran moral berkaitan salah laku jenayah seperti membuli, mencuri, mengedar dadah dan sebagainya. Dengan pengetahuan lebih mendalam apakah sebab mereka melakukan pelepasan moral boleh menjadi kaunselor dan pakar psikologi selangkah ke hadapan dalam menghadapi isu yang sedemikian. Dalam kajian ini menunjukkan bahawa identiti moral dan emosi moral berkait dalam menimbulkan pelepasan moral dalam diri seseorang maka pakar psikologi dan kaunselor boleh merancang beberapa intervensi atau aktiviti berkesan untuk berhadapan dengan klien yang melakukan pelepasan moral.

Hasil dapatan kajian ini turut membantu kaunselor dan ahli psikologi menolak stigma bahawa orang yang melakukan pelanggaran moral serta pelepasan moral adalah orang yang tiada atau mempunyai emosi moral seperti rasa malu atau bersalah yang rendah. Bahkan, mereka yang melakukan pelepasan moral juga turut mempunyai identiti moral yang tinggi. Maka, pelaksanaan intervensi seperti program yang mewujudkan rasa malu dan bersalah seperti kebanyakan program di sekolah untuk mengurangkan salah laku atau pelanggaran moral dilihat agak kurang berkesan kerana berdasarkan kajian ini, walaupun seseorang mempunyai emosi moral seperti rasa malu dan bersalah yang tinggi, mereka masih lagi cenderung melakukan pelepasan moral untuk melindungi diri mereka dan menjustifikasi sebarang pelanggaran moral yang dilakukan. Manakala, implikasi kepada masyarakat menunjukkan bahawa terdapat tindakan yang salah dan merupakan tingkah laku pelanggaran moral, mereka masih melakukan pelanggaran moral tersebut dan cuba menjustifikasikan tindakan mereka dengan melakukan pelepasan moral.

Hal ini berkait dengan identiti moral di mana rakyat Malaysia mempunyai ciri-ciri teras moral daripada pelajaran dan pembelajaran subjek moral di sekolah tetapi mereka tidak terlepas daripada melakukan kesalahan moral seterusnya membangkitkan pelepasan moral. Hal ini sedikit sebanyak memberikan beberapa kepentingan seperti menilai semula sistem pendidikan tentang moraliti. Selama ini, masyarakat sudah sedia ada ditekankan mengenai kepentingan bertingkah laku moral. Hal ini membawa kepada pembentukan identiti moral yang tinggi dalam komuniti masyarakat. Bahkan, boleh dikatakan bahawa manusia yang berfikiran waras sudah pasti dapat membezakan baik buruk sesuatu tindakan mereka.

Namun, jika pelepasan moral terjadi bagi melindungi identiti moral, sistem pendidikan yang telah diusahakan bersifat agak sia-sia. Oleh itu, alternatif boleh dibina di mana pembentukan identiti moral yang

tinggi bukan lagi menjadi matlamat utama. Sebaliknya, kesedaran bahawa diri manusia adalah lemah, terdedah untuk senang membuat kesilapan dan tidak mengapa untuk berasa bersalah dan malu atas kesalahan yang dilakukan dilihat lebih bersesuaian. Maka, program intervensi dan pendedahan kepada masyarakat awam terutamanya remaja amatlah perlu bukan sahaja dalam aspek pendedahan moral sahaja semata-mata, bahkan mereka juga perlu didedahkan dengan apakah itu perlepasan moral dan apakah implikasinya sekiranya seseorang kerap melakukan perlepasan moral untuk menjustifikasi sesuatu pelanggaran moral yang dilakukan. Subjek seperti jati diri dan subjek melibatkan perkembangan sendiri perlu dijalankan di sekolah dan institut pengajian tinggi untuk mengajar remaja dan anak-anak muda juga turut dicadangkan di samping melibatkan pelajar dan mahasiswa dalam perbincangan mendalam tentang isu moral. Selain itu, program pendedahan kepada masyarakat mengenai empati amat diperlukan supaya dapat membantu masyarakat berada di tempat mangsa seterusnya mengurangkan kecenderungan diri daripada melakukan tingkah laku pelanggaran moral. Pendekatan ini boleh dilakukan tetapi memerlukan strategi khusus daripada pelbagai pihak dan NGO berkaitan sebelum didedahkan kepada pelajar, remaja atau kumpulan kecil untuk mengurangkan pelanggaran moral serta pelepasan moral dalam masyarakat.

Terdapat beberapa limitasi kajian yang telah dikenal pasti oleh pengkaji dalam penyelidikan ini. Salah satu limitasi dalam penyelidikan ini adalah kajian ini tidak mempunyai banyak rujukan daripada kajian-kajian yang lepas disebabkan oleh kurangnya penyelidik yang menjalankan kajian mengenai hubungan antara emosi moral, identiti moral terhadap pelepasan moral. Maka, penyelidik tidak dapat mengaitkan isu yang dibawa dengan kajian-kajian lepas dengan berkesan. Cabaran datang bilamana bukan sahaja kurangnya kajian-kajian luar negara berkaitan isu pelepasan moral, penyelidik juga tidak menemukan kajian-kajian berdasarkan pelepasan moral di Malaysia sewaktu penyelidik menjalankan kajian ini sedikit sebanyak menyebabkan kajian yang dijalankan kurang sumber untuk dijadikan rujukan dan panduan. Maka, penyelidik berharap agar kajian ini boleh menjadi sebagai penggerak kepada penyelidik lain menjalankan kajian berfokus kepada isu pelepasan moral. Selain itu, pada asalnya penyelidikan ini berfokus kepada penjenayah serta penghuni penjara yang sudah tentunya melakukan jenayah di mana ia adalah salah satu tindakan pelanggaran moral. Walau bagaimanapun, disebabkan pada waktu penyelidik menjalankan kajian ini negara masih lagi berhadapan dengan risiko pandemik Covid, maka kawalan di penjara agak ketat dan tidak membenarkan penyelidik menjalankan kajian ini di penjara. Disebabkan itu, kajian ini dijalankan kepada mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia, maka datangnya cabaran baru bilamana penyelidik mahu mencari responden yang melakukan tindakan kesalahan moral. Tambahan lagi, disebabkan populasi dan sampel kajian perlu diubah daripada penjenayah dan penghuni penjara kepada mahasiswa UKM, maka isu kesalahan moral sedikit berubah daripada asalnya berfokus kepada isu kesalahan moral seperti isu jenayah kepada isu kesalahan moral yang kurang serius intensitinya daripada isu jenayah seperti mengumpat, mengejek, meniru yang dilakukan oleh mahasiswa UKM tetapi masih lagi dikira dalam kesalahan moral.

Disebabkan fokus asal kajian ini adalah untuk melihat pelanggaran moral seperti tindakan jenayah, maka penyelidik mencadangkan agar kajian ini dijalankan kepada pelaku jenayah seperti penghuni penjara, atau pelajar dan remaja yang menjalani pemulihan seperti pelajar di Sekolah Henry Gurney atau remaja di pusat pemulihan. Hal ini supaya kajian ini lebih relevan dan dapat berfokus kepada pelepasan moral disebabkan oleh tindakan pelanggaran moral yang pernah dilakukan mereka. Di samping itu, kajian seperti itu sedikit sebanyak mampu memberikan sedikit implikasi kepada kaunselor-kaunselor yang menjalankan sesi kaunseling di penjara atau di pusat pemulihan. Diharapkan hasil kajian ini dapat mencetuskan inspirasi kepada pengkaji-pengkaji yang lain untuk mendalami lagi kajian dengan menggunakan pendekatan kuantitatif serta kualitatif. Bukan itu sahaja, dapatan hasil kajian ini juga diharapkan dapat memberi manfaat kepada pihak berkepentingan, NGO, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Lembaga Kaunselor Malaysia dalam usaha melihat punca dan penyebab lain seseorang melakukan tindakan pelepasan moral untuk menjustifikasi tingkah laku pelanggaran moral yang dilakukan oleh mereka. Dengan kajian ini, diharapkan dapat membuka mata penyelidik dan kaunselor di luar sana bahawa emosi moral seperti rasa bersalah dan malu serta identiti moral yang tahu apa yang dilakukan itu salah saling berkait dalam tindakan pelepasan moral dalam diri seseorang.



## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa apabila individu mengalami pelepasan moral, mereka cenderung untuk menggunakan keganasan sebagai cara untuk menyelesaikan konflik atau mencapai matlamat mereka seperti dalam dapatan kajian Caprara dan Peltonen (2003). Hal ini turut menunjukkan bahawa dalam 200 responden mahasiswa UKM yang kesemuanya melakukan pelanggaran moral, tahap emosi moral seperti rasa bersalah dan malu agak kuat. Dapatan kajian untuk hipotesis dalam kajian ini adalah diterima dan berkait rapat dengan dapatan kajian yang lepas. Terdapat beberapa sebab terdapatnya hubungan antara identiti moral dan tahap pelepasan moral. Berdasarkan data dapatan kajian tersebut, dapat dilihat bahawa untuk dimensi emosi moral, responden memperoleh skor yang tinggi untuk dimensi rasa bersalah (*guilt*) diikuti dengan perasaan malu (*shame*) untuk emosi moral. Hal ini menjelaskan bahawa mereka akan bersalah dan malu apabila melakukan sebarang tindakan pelanggaran moral, maka untuk melindungi rasa bersalah dan malu yang dihadapi, mereka akan bertindak melakukan pelepasan moral untuk melindungi diri mereka. Hal ini turut berkait dengan kajian lepas daripada Petruccelli dan rakan-rakan (2017) yang mengatakan bahawa mereka yang tidak mempunyai emosi moral seperti rasa bersalah dan malu yang kerap terjadi dalam kalangan banduan penjara yang mempunyai ciri psikopat tidak akan melakukan sebarang pelepasan moral kerana tiadanya keperluan untuk menjaga ego dan emosi moral mereka.

**Penghargaan:** Terima kasih kepada semua pihak atas bantuan penerbitan artikel ini.

**Konflik Kepentingan:** Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan antara semua pihak-pihak yang telah terlibat dalam kajian ini.

## Rujukan

- Aquino, K., & Reed, A. (2002). The self-importance of moral identity. *Journal of Personality and Social Psychology*, 83(6), 1423–1440. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.83.6.1423>
- Bandura, A., Barbaranelli, C., Caprara, G. V., & Pastorelli, C. (1996). Mechanisms of moral disengagement in the exercise of moral agency. *Journal of Personality and Social Psychology*, 71(2), 364–374. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.71.2.364>
- Bandura, A. (1999). Moral disengagement in the perpetration of inhumanities. *Personality and Social Psychology Review*, 3(3), 193–209. [https://doi.org/10.1207/s15327957pspr0303\\_3](https://doi.org/10.1207/s15327957pspr0303_3)
- Bandura, A. (2002). Selective moral disengagement in the exercise of moral agency. *Journal of Moral Education*, 31(2), 101–119. <https://doi.org/10.1080/0305724022014322>
- Bolu-Steve, F. N., Awopetu, R. G., & Okoro, E. O. (2022). Influence of social media on in-school adolescents' morals: Implication for school counsellors. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 19(7), 12–25. <https://doi.org/10.2139/ssrn.4137839>
- Caprara, G. V., & Peltonen, J. (2003). Moral disengagement and violence. In E. Garralda & M. Flament (Eds.), *Working with children and adolescents: An evidence-based approach to risk and resilience* (pp. 103–123). Jason Aronson.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan: Buku 1* (2nd ed.). McGraw-Hill.
- DeSmet, A., Bastiaensens, S., Van Cleemput, K., Poels, K., Vandebosch, H., & De Bourdeaudhuij, I. (2016). Deciding whether to look after them, to like it, or leave it: A multidimensional analysis of predictors of positive and negative bystander behavior in cyberbullying among adolescents. *Computers in Human Behavior*, 57, 398–415. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2015.12.051>
- Etikan, I., Musa, S. A., & Alkassim, R. S. (2016). Comparison of convenience sampling and purposive sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics*, 5(1), 1–4. <https://doi.org/10.11648/j.ajtas.20160501.11>
- Gini, G., Pozzoli, T., & Hymel, S. (2023). The role of moral disengagement in bullying and cyberbullying. *Aggression and Violent Behavior*, 61, 101691. <https://doi.org/10.1016/j.avb.2021.101691>
- Haidt, J. (2001). The emotional dog and its rational tail: A social intuitionist approach to moral judgment. *Psychological Review*, 108(4), 814–834. <https://doi.org/10.1037/0033-295X.108.4.814>

- Hassan, S., & Ahmad, K. (2022). Pengalaman buli siber dan isu kesihatan mental dalam kalangan pelajar universiti. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 19(6), 102–115. <https://doi.org/10.2139/ssrn.4170173>
- Hymel, S., & Bonanno, R. A. (2014). Moral disengagement processes in bullying. *Theory Into Practice*, 53(4), 278–285. <https://doi.org/10.1080/00405841.2014.947215>
- Konting, M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Limbu, D., & Prasetya, B. (2020). Perubahan rasionalisasi moral tindakan agresif pada mantan narapidana teroris di Indonesia (Studi Kasus). *Psikologi Konseling*, 17(2), 716–732.
- Newman, L. S., & Bakina, L. M. (2009). Moral disengagement and terrorism. In S. J. Sinclair & D. Antonius (Eds.), *The psychology of terrorism fears* (pp. 127–147). Oxford University Press.
- Othman, N. H., & Ariffin, Z. (2022). Pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pembelajaran sosial. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 19(6), 89–101. <https://doi.org/10.2139/ssrn.4168650>
- Petrucelli, I., Barbaranelli, C., Costantino, V., Gherardini, A., Grilli, S., Craparo, G., & D'Urso, G. (2017). Moral disengagement and psychopathy: A study on offenders in Italian jails. *Psychiatry, Psychology and Law*, 1–12. <https://doi.org/10.1080/13218719.2017.1372229>
- Reed, A. II. (2002). Social identity as a useful perspective for self-concept based consumer research. *Psychology and Marketing*, 19, 235–266. <https://doi.org/10.1002/mar.10011>
- Snyders, H. (2019). Literature review as a research methodology: An overview and guidelines. *Journal of Business Research*, 104, 333–339. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2019.07.039>
- Thornberg, R., Daremark, E., Gottfridsson, J., & Gini, G. (2020). Situationally selective activation of moral disengagement mechanisms in school bullying: A repeated within-subjects experimental study. *Frontiers in Psychology*, 11, 1101. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.01101>
- Turiel, E. (2006). The development of morality. In N. Eisenberg (Ed.), *Handbook of child psychology: Vol. 3, Social, emotional, and personality development* (6th ed), (pp. 789–857). Wiley.